

UiTM HARI INI DALAM SEJARAH

14 OKTOBER 1967

PENUKARAN NAMA MAKTAB MARA KEPADA INSTITUT TEKNOLOGI MARA DAN UPACARA PELETAKAN BATU ASAS ITM

Maktab MARA telah diberikan nama baharu iaitu Institut Teknologi MARA (ITM) berkuatkuasa pada 14 Oktober 1967 iaitu semasa Upacara Perletakan Batu Asas ITM di Batu Tiga, Jalan Klang, Selangor yang telah disempurnakan oleh YAB Tun Abdul Razak bin Hussien, Timbalan Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar pada ketika itu. Encik Arshad Ayud telah dilantik sebagai Pengarah ITM yang pertama dengan jumlah pelajar pada masa tersebut seramai 1,491 orang.



Upacara Simbolik Peletakan Batu Asas ITM di Batu Tiga oleh YAB. Tun Abdul Razak bin Hussein diiringi Pengarah Maktab MARA, En. Arshad Ayud



Batu Asas ITM di Batu Tiga



YAB. Tun Abdul Razak bin Hussein, Timbalan Perdana Menteri Malaysia sedang memberi ucapannya pada Upacara Peletakan Batu Asas ITM di Batu Tiga, Jalan Klang Selangor

Sumber:

- Achieving A Dream..a story of courage
- Buku Konvokesyen 1968
- Koleksi gambar Jabatan Arkib Universiti, UiTM